



IKLAN PEROLEHAN JAIM

SEBUT HARGA JAIM/PB/2025/02

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KECIL SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PUSAT PEMULIAAN AL-QURAN, MASJID AL-GHAFFAR, DAERAH JASIN, MELAKA

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera yang masih sah dengan: **GRED G1, KATEGORI B, PENGKHUSUSAN B04 – KERJA AM BANGUNAN** yang beralamat di Daerah Jasin, Melaka sahaja dibenarkan menyertai sebut harga ini.
2. 'Lawatan tapak' adalah diwajibkan kepada semua kontraktor-kontraktor yang berminat dan hanya akan diadakan sekali sahaja iaitu pada **12 Mac 2025 (Rabu) jam 9.00 pagi**. Kontraktor-kontraktor dikehendaki berkumpul di **PUSAT PEMULIAAN AL-QURAN, MASJID AL-GHAFFAR, JASIN, MELAKA** pada masa dan tarikh ditetapkan di atas.
(Hanya penama di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat /Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB)/ Kementerian Kewangan sahaja yang boleh menghadiri tapak atau taklimat sebut harga tersebut. SURAT WAKIL & WAKIL adalah tidak dibenarkan). Sila bawa Sijil ASAL dan Kad Pengenalan bagi tujuan pendaftaran.
3. Permohonan dokumen sebut harga adalah secara Atas Talian (Online). Segala urusan tawaran, pembelian dan keterangan lanjut boleh diperolehi dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <http://stom.melaka.gov.my>. Pihak syarikat perlu melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di STOM dengan **caj langganan RM50.00 setahun** dan seterusnya membuat pembelian dokumen sebut harga secara atas talian dengan **harga RM20.00** dari sistem berkenaan bermula **13 Mac 2025 (Khamis) sehingga 20 Mac 2025 (Rabu)**. Dokumen sebut harga hendaklah dimuat turun, dicetak dan diisi selengkapnya.
4. Semua borang sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dilakri dan ditulis nombor sebut harga di sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga, **Unit Pembangunan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Agama Islam Melaka, Aras 2, Pusat Islam Melaka, 75400 Bukit Palah, Melaka** tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari 20 Mac 2025 (Khamis).
5. Adalah diingatkan bahawa kegagalan pihak kontraktor bagi mematuhi arahan-arahan tersebut di atas boleh menjelaskan pertimbangan terhadap sebut harga pihak kontraktor. **Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan sebanyak 0.0185%** daripada harga kontrak akan dikenakan tiap-tiap hari ke atas kontraktor yang gagal menyiapkan kerja-kerja sebut harga dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab-sebab yang munasabah.

(DATUK MD AZHAN BIN SAMAT @LIMAT)
Pengarah
Jabatan Agama Islam Melaka

Tarikh: 27.2.25



s.k :

1. Pengarah, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Melaka
 2. Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan Cawangan Negeri Melaka
 3. Jurutera Daerah, Jabatan Kerja Raya Daerah Jasin
 4. Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin
 5. Pegawai Tadbir Agama Daerah Melaka Tengah
 6. Pegawai Tadbir Agama Daerah Alor Gajah
 7. Pegawai Tadbir Agama Daerah Jasin
 8. Imam 1 Masjid Al-Ghaffar, Daerah Jasin, Melaka
- mohon pihak tuan menyediakan tempat taklimat sebut harga
 9. Jawatankuasa Perolehan JAIM – untuk tindakan selanjutnya
 10. Seksyen Sekretariat, Komunikasi dan Multimedia JAIM
- mohon pihak tuan memuat naik iklan dilaman web / media sosial jabatan
- Mohon untuk dipamerkan di papan kenyataan